

LAPORAN TANPAAN 2013

Kelembagaan Publik
Gedung Sate Jakarta




Kelembagaan Publik Gedung Sate Jakarta



LAPORAN TAHUNAN 2013

Jabatan Perancangan Bandar
dan Desa Negeri Selangor



www.jpbdselangor.gov.my

ISSN 2232-1381
2232 1381



LAPORAN TAHUNAN 2013

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

SIDANG REDAKSI

Penaung

Tn. Hj. Mohd. Zaki bin Ibrahim

Penasihat

Cik Norasiah Bee bt Mohd. Haniff

Ketua Editor

En. Latif bin Kahar

Sidang Editor

Pn. Siti Nabila bt Sheikh Hussien

Pn. Suzianah bt Mustapha

Penyumbang Artikel

En. Saidin bin Lateh

En. Shahidi bin Yusop

En. Mohd. Zamuddin bin Jumaat

En. Latif bin Kahar

En. Rosly bin Ahmad

Kelab Sukan,

Kebajikan dan Rekreasi (KSKR)

LAPORAN TAHUNAN 2013

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor,

Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,

40646 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-5511 6666

Faks : 03-5511 3557

Laman web : www.jpbdselangor.gov.my

ISSN 2232-1381

Cetakan 2014

Rekabentuk dan Dicetak oleh:

Reka Cetak Sdn. Bhd.

No. 14 Jalan Jemaju Empat 16/13D,

Seksyen 16, 40200 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5510 4254 / 4758

Faks: 603-5510 4059

www.rekacetak.com

KANDUNGAN

01

SEKAPUR SIREH

02

PROFIL JABATAN

03

STRUKTUR
ORGANISASI

04

PENCAPAIAN PIAGAM
PELANGGAN

05

PENCAPAIAN
JABATAN

06

PENGURUSAN
LATIHAN

07

PENGANUGERAHAN

08

PENGHARGAAN
JABATAN

09

TERBITAN JABATAN

10

SELAYANG
PANDANG 2013

11

LENSA 2013





01 | Sekapur Sirih



KATA-KATA ALUAN PENGARAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah berjaya melaksanakan fungsi dan tugas Jabatan sepanjang tahun 2013 dengan penuh kecemerlangan. Catatan kejayaan dan kecemerlangan Jabatan ini dizahirkan kepada masyarakat melalui penerbitan Laporan Tahunan 2013 agar pencapaian, maklumat, aktiviti serta berita di sebalik setiap kejayaan dikongsikan bersama.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga JPBD Negeri Selangor kerana telah berjaya di dalam melaksanakan semua perancangan yang telah dirangka pada awal tahun 2013. Sesungguhnya saya amat berbangga dengan semangat kerjasama dan keprihatinan warga Jabatan.

Sebagai peneraju ke arah mewujudkan kualiti kehidupan yang lebih baik dan mampan melalui perancangan fizikal, JPBD Negeri Selangor dipertanggungjawab melaksanakan fungsi dan peranan dengan memberikan komitmen ke arah merealisasikan 'Persekitaran Yang Berkualiti dan Sejahtera' di Negeri Selangor. JPBD Negeri Selangor memegang peranan yang penting dalam menghasilkan perancangan pembangunan yang lebih inovatif dan progresif untuk masyarakat dan negara. Ini termasuklah dari segi bagaimana tugas perancang bandar boleh membantu di dalam membina petempatan berkualiti, penyediaan kemudahan-kemudahan yang mencukupi, alam sekitar sosial yang harmoni, meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan mewujudkan

rangkaian serta sistem pengangkutan awam yang efektif.

JPBD Negeri Selangor telah memainkan peranan penting sebagai penasihat kepada Kerajaan Negeri berkaitan perancangan dan pembangunan melalui pengurusetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri ke arah mewujudkan Negeri Selangor sebagai Negeri Idaman dan Sejahtera. Melalui pengurusan mesyuarat ini, polisi-polisi dan keputusan-keputusan penting di dalam perancangan gunatanah dibincangkan. Bagi tahun 2013, Jabatan telah mengurusetiakan sebanyak 5 kali mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.

Dari segi penyediaan rancangan-rancangan pemajuan, JPBD Negeri Selangor di dalam peringkat penyediaan draf akhir bagi kajian semula Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035. Jabatan juga di dalam proses penyediaan penggantian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025 dan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2025. Sehingga kini, kedua dua Rancangan Tempatan ini telah melalui proses publisiti dan bantahan awam. Jabatan juga telah mengambil langkah proaktif dengan menggunakan

aplikasi telefon pintar bagi membolehkan orang awam dan pihak berkepentingan memuat turun, memapar, *bookmarks* laporan draf rancangan tempatan dan yang

Alhamdulillah, secara keseluruhannya, saya amat bersyukur, JPBD Negeri Selangor telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian prestasi di mana banyak aktiviti utama Jabatan telah dapat dilaksanakan mengikut perancangan kerja yang ditetapkan. Kerjasama yang diberikan dan ditunjukkan oleh warga Jabatan adalah merupakan kunci kejayaan dalam penentu tahap kecemerlangan Jabatan.

lebih penting menghantar terus bantahan dan pandangan dengan lebih cepat tanpa sebarang prosedur yang merumitkan. Ini merupakan satu inovasi yang diketengahkan oleh Jabatan ke arah pembudayaan inovasi dalam pelaksanaan kerja.

JPBD Negeri Selangor turut menjadi penggerak di dalam menjayakan Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang. Projek ini merupakan salah satu daripada 6 Pakej Ransangan Ekonomi Selangor dan selaras dengan matlamat pembangunan mampan dan Agenda 21 Selangor. Sehingga kini, Jabatan telah menyediakan Laporan *Discharge* Fasa 2 Sungai Klang bagi mengenalpasti *point discharge* bagi Lembangan Sungai Klang.

JPBD Negeri Selangor merasa berbesar hati kerana diberi kepercayaan sebagai urusetia oleh Kerajaan Negeri bagi melaksanakan Kajian Saintifik Permatang Kuarza Genting Klang sebagai Tapak Warisan Geologi Kebangsaan dan Tapak Warisan Dunia. Untuk itu, Jabatan sedang berusaha mendapatkan pengiktirafan Permatang Kuarza Genting Klang sebagai tapak warisan kebangsaan. Jabatan juga telah mendapat kepercayaan daripada Kerajaan Negeri dalam membantu Kerajaan bagi menyelesaikan beberapa isu perancangan melalui *task force* dan rundingan. Antaranya adalah isu pembangunan di Putra Height dan Puchong, Subang Jaya serta isu pembangunan Batu Caves dan kawasan sekitarnya.

Pada tahun 2013, JPBD Negeri Selangor terus mengorak langkah berkeyakinan dengan menggarap beberapa kejayaan yang membanggakan dari aspek pengurusan dan telah menunjukkan kecemerlangan secara konsisten. Jabatan telah menerima penarafan 5 bintang oleh pihak MDEC bagi kategori *website* daripada 1,053 agensi kerajaan selain berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 sehingga 25 September 2015 berdasarkan kepada Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti. JPBD Negeri Selangor juga telah menempa beberapa siri kejayaan di dalam Program Inovasi sama ada di peringkat

negeri mahupun di peringkat persekutuan. Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Kumpulan Koir, peserta pertandingan multimedia dan peserta pertandingan rekabentuk adalah antara warga JPBD yang telah mengharumkan nama Jabatan. Kejayaan-kejayaan ini adalah merupakan hasil usaha bersama semua lapisan pegawai JPBD Negeri Selangor. Harapan saya, semoga kejayaan ini dapat dikekalkan dan diteruskan serta JPBD menjadi satu agensi yang terbaik dan disegani di Negeri Selangor disamping usahasama yang dijalinkan dilaksanakan secara berterusan di masa akan datang.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga Jabatan yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan sehingga ke peringkat ini. Saya juga menyeru kepada semua warga JPBD Negeri Selangor agar kita sama-sama berusaha bersungguh-sungguh untuk terus mempertingkatkan produktiviti Jabatan bagi mencapai kesemua program Jabatan seperti yang telah dirangkakan. Diharapkan usaha-usaha murni ini dapat diteruskan untuk kejayaan di masa akan datang.

Ke Arah Persekitaran Mampan

HAJI MOHD ZAKI BIN IBRAHIM

Pengarah,

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor



02 | Profil Jabatan

VISI

Menjadi Peneraju Perancangan Bandar Dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera Dan Mampan Menjelang 2020

MISI

Memacu Perancangan Fizikal Negara Melalui Pelaksanaan Dan Pemantauan Perancangan Pembangunan Yang Komprehensif, Sistematis Dan Inovatif Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat

DASAR KUALITI JABATAN

Menjadikan JPBD Negeri Selangor sebagai pusat bagi perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang

OBJEKTIF JABATAN

- i. Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk selaras dengan matlamat negeri dan negara;
- ii. Untuk mengatur, mengawal dan menyelaraskan pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan akta-akta berkaitan;
- iii. Untuk melaksanakan dan memastikan pemakaian berkesan kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan oleh semua agensi di semua peringkat perancangan; dan
- iv. Untuk menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi yang berkenaan.





PIAGAM PELANGGAN

Matlamat

Pewujudan persekitaran yang berkualiti dan sejahtera di negeri-negeri melalui perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang berkualiti, sejahtera dan mampan menjelang 2020

Dengan itu kami berjanji untuk:

1. MENGURUSETIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI
3 Kali Setahun
2. MEMBERI ULASAN PERANCANGAN
Tidak Melebihi 14 Hari
3. MEMASTIKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) DIKAJI SEMULA
Dalam Tempoh 5 Tahun Selepas Pewartaan
4. MENYELARAS PENYEDIAAN RT DAN RKK SERTA MEMANTAU
PERLAKSANAANNYA
Berdasarkan Program Rancangan Malaysia 5 Tahun
5. MENGADAKAN MESYUARAT DENGAN KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
Setiap 6 Bulan
6. MENYAMPAIKAN KEPUTUSAN BERTULIS LEMBAGA RAYUAN KEPADA PERAYU
DAN RESPONDEN
Dalam Tempoh 10 Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Daripada Pengerusi
Lembaga Rayuan
7. MEMBEKAL MAKLUMAT PERANCANGAN (KATEGORI TIDAK TERPERINGKAT)
Dalam Tempoh 5 Hari
8. MEMBERI LAYANAN KAUNTER DENGAN BERBUDI BAHASA
Dalam Tempoh 5 Minit

PELAN STRATEGIK JPBD 2012-2020

Pelan Strategik JPBD 2012-2020 yang sebelum ini dikenali sebagai Rancangan Strategik JPBD 920 (RSJ 920) merupakan satu hala tuju baru ke arah mempertingkatkan dan memperkasakan perkhidmatan sebagai peneraju perancangan bandar dan desa yang terunggul, relevan dan signifikan dalam pembangunan negara.

6 Teras Strategik dan 6 Bidang Keberhasilan Utama (KRA) telah digariskan iaitu:

TERAS STRATEGIK 1	: Mempertingkatkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti
KRA 1	: Pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti
TERAS STRATEGIK 2	: Memantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia
KRA 2	: Penyelidikan dan pembangunan ke arah produk bertaraf dunia
TERAS STRATEGIK 3	: Meningkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan
KRA 3	: Pematuhan kepada perancangan pembangunan
TERAS STRATEGIK 4	: Memperkasakan pengurusan maklumat guna tanah negara ke arah perancangan guna tanah yang berkesan dan sistematik
KRA 4	: Memperkasakan maklumat guna tanah negara
TERAS STRATEGIK 5	: Mempertingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi JPBD Semenanjung Malaysia
KRA 5	: Kerjasama strategik
TERAS STRATEGIK 6	: Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan JPBD Semenanjung Malaysia
KRA 6	: Pembangunan kapasiti organisasi

Bagi tujuan pelaksanaan, Pelan strategik ini disokong dengan pelan tindakan yang menjelaskan strategi, program, petunjuk prestasi, sasaran dan pihak pelaksana.



BUDAYA KERJA JPBD NEGERI SELANGOR



BUDAYA KERJA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Formula 6M

Pendekatan 6M menjadi pasak kepada kejayaan Dasar Bina Insan, diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk membentuk penjawat awam Negeri Selangor yang beramanah, tinggi jati diri, beriltizam tinggi dan persekitaran penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.








03 | Struktur Organisasi


STRUKTUR ORGANISASI

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR


2013


STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN 2013





STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN 2013










04 | Pencapaian Piagam Pelanggan

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Secara keseluruhannya, pada tahun 2013, JPBD Negeri Selangor telah melaksanakan kesemua piagam pelanggan dan telah mencapai 100% di dalam 6 daripada 8 Piagam Pelanggan (PP) yang ditetapkan. 6 Piagam Pelanggan tersebut adalah PP1, PP3, PP4, PP5, PP6, PP7.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BAGI TAHUN 2013



Nota:

- PP1:** Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri 3 Kali Setahun
- PP2:** Memberi Ulasan Perancangan Tidak Melebihi 14 Hari
- PP3:** Memastikan Rancangan Struktur Negeri Dikaji Semula Dalam Tempoh 5 Tahun Selepas Pewartaan
- PP4:** Menyelaras Penyediaan Rancangan Tempatan Dan Rancangan Kawasan Khas Serta Memantau Perlaksanaannya Berdasarkan Program Rancangan Malaysia 5 Tahun
- PP5:** Mengadakan Mesyuarat Dengan Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) Setiap 6 Bulan
- PP6:** Menyampaikan Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan Kepada Perayu Dan Responden Dalam Tempoh 10 Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Dari Pengerusi Lembaga Rayuan
- PP7:** Membekal Maklumat Perancangan (Kategori Tidak Terperingkat) Dalam Tempoh 5 Hari
- PP8:** Memberi Layanan Kaunter Dengan Berbudi Bahasa Dalam Tempoh 5 Minit





05 | Pencapaian Jabatan

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Perjawatan

Pada tahun 2013, jumlah perjawatan bagi semua lapisan pegawai di JPBD Negeri Selangor adalah seramai 107 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 101 jawatan telah diisi manakala 6 jawatan masih kosong. Jabatan juga turut dibantu oleh 3 orang pegawai lantikan kontrak dan 2 orang pegawai sambilan.

GRED	JAWATAN	KEDUDUKAN BILANGAN JAWATAN		
		Bil. Jawatan Yang Diluluskan	Bil. Jawatan Yang Diisi	Jawatan Yang Masih Kosong
Jusa C	Pengarah Pegawai Perancang Bandar dan Desa	1	1	-
J52	Timbalan Pengarah Pegawai Perancang	1	1	-
J48	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Perancang Bandar dan Desa	2	2	-
J44	Penolong Pengarah Kanan Pegawai Perancang Bandar dan Desa	2	2	-
J41	Penolong Pengarah Pegawai Perancang Bandar dan Desa	7	7	-
M41	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	1	1	-
J38	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Tertinggi	1	1	-
J36	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan	2	2	-
J29 / J36 (KUP)	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	15	15	-
F29	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	1	1	-
N27	Penolong Pegawai Tadbir	1	1	-
J26	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Tertinggi	1	1	-
J22	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Kanan	5	5	-
N22	Pembantu Tadbir (P/O)	1	1	-
J17 / J22 (KUP)	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	35	34	1
J17 / J22 (KUP)	Pelukis Pelan	9	7	2
W22	Pembantu Tadbir (Kewangan)	1	1	-
W17 / W22 (KUP)	Pembantu Tadbir (Kewangan)	2	1	1
N22	Setiausaha Pejabat	1	1	-
N17 / N22 (KUP)	Pembantu Tadbir (P/O)	8	6	2
N11 / N14 (KUP)	Pembantu Tadbir Gred (P/O)	2	2	Jumud
N1 / N4 (KUP)	Pembantu Am Pejabat	4	4	-
N3 / N12 (KUP)	Penghantar Notis	1	1	-
R3 / R6 (KUP)	Pemandu Kenderaan	3	3	-
JUMLAH		107	101	6

PERLANTIKAN PEGAWAI BARU

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TARIKH LANTIKAN
1.	Pn. Noor Zafirah bt Johar	Penolong Pegawai Perancang Bandar (J29)	1 Julai 2013
2.	Pn. Salfarina bt Salleh	Penolong Pegawai Perancang Bandar (J29)	1 Julai 2013
3.	Pn. Dezubaida bt Salbani	Penolong Pegawai Perancang Bandar (J29)	1 Julai 2013
4.	Cik Noor Izhwhana bt Abd Karim	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa (J17)	1 Julai 2013
5.	Cik Anis Zahirah bt Jamal	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa (J17)	1 Julai 2013
6.	Cik Ain Shahada bt Rozali	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa (J17)	15 Julai 2013
7.	Cik Maizan bt Mazlan	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa (J17)	16 Disember 2013

PERSARAAN PEGAWAI BAGI TAHUN 2013



Cik Latifah bt Ahmad
Pembantu Tadbir
(KUP)(N22)

Tarikh Lantikan
1 Oktober 1982

Tarikh Bersara
31 Ogos 2013

PERTUKARAN MASUK PEGAWAI

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	PERTUKARAN DARI	TARIKH MASUK KE JPBD NEGERI SELANGOR
1.	En. Rosly bin Ahmad	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (M41)	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	2 Januari 2013
2.	En. Mohd. Zainuddin bin Jumaat	Penolong Pengarah Kanan (J44)	JPBD Semenanjung Malaysia	1 April 2013
3.	En. Latif bin Kahar	Penolong Pengarah Kanan (J44)	Pejabat Projek Zon Utara	17 April 2013
4.	Pn. Lilian Tai Yee Chi	Penolong Pengarah (J41)	JPBD Negeri Sembilan	2 September 2013
5.	En. Shahidi bin Yusop	Ketua Penolong Pengarah (J48)	Pejabat Projek Zon Tengah	1 November 2013

PERTUKARAN KELUAR PEGAWAI

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TEMPAT PERTUKARAN	TARIKH PERTUKARAN
1.	En. Nurul Azhar bin Husin	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (M41)	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	2 Januari 2013
2.	Tn. Hj. Azman bin Talib	Ketua Penolong Pengarah (J48)	JPBD Semenanjung Malaysia	14 Januari 2013
3.	En. Latif bin Kahar	Penolong Pengarah (J41)	Pejabat Projek Zon Utara	21 Januari 2013
4.	En. Mustafa Bakri bin Alias Sani	Penolong Pengarah Kanan (J44)	JPBD Semenanjung Malaysia	18 Februari 2013
5.	En. Muhamad Aizuddin bin Safiaai	Penolong Pengarah (Kontrak) (J41)	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	1 Julai 2013
6.	En. Sallehudin bin Samsuddin	Penolong Pengarah (Kontrak) (J41)	JPBD Semenanjung Malaysia	12 Julai 2013
7.	En. Rozuwan bin Ab Llah	Penolong Pengarah Kanan (J44)	Unit OSC, Majlis Perbandaran Port Dickson	15 April 2013
8.	Cik Norasiah Bee bt Mohd Haniff	Timbalan Pengarah (J52)	JPBD Semenanjung Malaysia	1 November 2013
9.	En. Anuwaa bin Mohamad Jalani	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa (J17)	Majlis Perbandaran Kajang	1 November 2013

Prestasi Kewangan

Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan RM10,475,372.12 kepada Jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM7,975,372.12 diperuntukan di bawah **Vot Mengurus**, manakala selebihnya sebanyak RM2,500,000.00 di bawah **Vot Pembangunan**.



Sehingga tahun 2013, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM7,600,671.57 (95.3%) bagi **Vot Mengurus** dan RM2,437,337.42 (97.5%) bagi **Vot Pembangunan**.



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JPBD Negeri Selangor telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2013. Kemuncak bagi mesyuarat MBJ ini diadakan pada 12 Disember 2013 bertempat di Hotel Bayview Georgetown, Pulau Pinang. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membincangkan mengenai isu dan masalah yang dibangkitkan oleh wakil pekerja bagi setiap lapisan pegawai bagi tahun 2013 ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan.

BIL	JABATAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 1/2013	20 Mac 2013
2.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 2/2013	25 Jun 2013
3.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 3/2013	30 September 2013
4.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 4/2013	12 Disember 2013



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JPBD Negeri Selangor Bil 4/2013 telah diadakan bersama Mesyuarat Perancangan Korporat Bil 1/2013 bertempat di Hotel Bayview, Georgetown, Pulau Pinang pada 12 Disember 2013.

Perhimpunan Bulanan Jabatan

Perhimpunan Bulanan Jabatan dilaksanakan secara penggiliran di mana setiap bahagian di JPBD Negeri Selangor akan menjadi urusetia perhimpunan bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat pengacaraan majlis di kalangan warga Jabatan. Pada tahun 2013, Jabatan telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Jabatan sebanyak 9 kali iaitu:

BIL	BULAN	TARIKH
1.	Januari	14 Januari 2013
2.	Februari	6 Februari 2013
3.	Mac	6 Mac 2013
4.	April	3 April 2013
5.	Mei	16 Mei 2013
6.	Jun	5 Jun 2013
7.	Ogos	2 Ogos 2013
8.	Oktober	29 Oktober 2013
9.	Disember	4 Disember 2013



Perhimpunan Bulanan Jabatan bagi Bulan April dihoskan oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan



Pelan Integriti Organisasi (PIO) telah dilancarkan di dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan pada 6 Mac 2013

Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan

Program Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan telah diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada semua lapisan pegawai membuat semakan buku rekod perkhidmatan masing-masing. Hari Terbuka Buku Rekod Perkhidmatan diadakan mengikut Bahagian bagi memudahkan dan mempercepatkan proses penyemakan dan pengemaskinian.

Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan Bil. 1/2013 : **17 – 19 Jun 2013**

Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan Bil. 2/2013 : **16 – 19 Disember 2013**

PERANCANGAN KORPORAT

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Bagi melaksanakan Seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) Ahli-Ahli Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor yang dilantik adalah seperti berikut :

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR

BIL	PORTFOLIO / JABATAN	NAMA
1.	Dato' Menteri Besar Selangor	Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim (Pengerusi)
2.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Y.B Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi
3.	Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	Y.B Datin Paduka Zauyah bt Loth Khan
4.	Pegawai Kewangan Negeri Selangor	Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman
5.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar)	Y.B Tuan Ir. Iskandar bin Abdul Samad (Timbalan Pengerusi)
6.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan)	Y.B Dato' Teng Chang Khim
7.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam)	Y.B Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
8.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar)	Y.B Pn. Wong Keat Ping @ Elizabeth Wong
9.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Desa)	Y.B Tuan Sallehen bin Mukhyi
10.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Pembangunan Kampung Baru dan Pemutihan Kilang Haram)	Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah
11.	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (Timbalan SUK Pembangunan)	Y.Bhg. Dato' Hj. Mohamad Roslan bin Sakiman
12.	Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Y.Bhg. Dato' Hj. Kamarulzaman bin Jamil
13.	Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Y. Bhg. Tn. Ir. Abdullah bin Abd. Rahman
14.	Pengarah Pembangunan Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato' Hj. Abdul Ghani bin Salleh
15.	Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Y. Bhg. Puan Siti Zaleha bt Ibrahim
16.	Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor	Y. Bhg. Tn. Hj. Ir. Abdul Qahar bin Osman
17.	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Y. Bhg. Tn. Ahmad Zakaria bin Mohamad Sidek
18.	Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor	Y. Bhg. Tn. Hj. Mohd. Zaki bin Ibrahim (Setiausaha)

Perlaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Pada tahun 2013, JPBD Negeri Selangor telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) sebanyak 5 kali iaitu:

BIL. MESYUARAT	KERTAS MESYUARAT	
Mesyuarat JPNS Bil. 1/2013 5 Februari 2013	Kertas Dasar Kertas Rancangan Pemajuan Kertas Pengawasan Perancangan Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan Jumlah : 4 Kertas Kerja	- 1 2 1
Mesyuarat JPNS Bil. 2/2013 22 Julai 2013	Kertas Dasar Kertas Rancangan Pemajuan Kertas Pengawasan Perancangan Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan Jumlah : 19 Kertas Kerja	1 8 4 7
Mesyuarat JPNS Bil. 3/2013 9 September 2013	Kertas Dasar Kertas Rancangan Pemajuan Kertas Pengawasan Perancangan Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan Jumlah : 6 Kertas Kerja	2 - 3 1
Mesyuarat JPNS Bil. 4/2013 28 Oktober 2013	Kertas Dasar Kertas Rancangan Pemajuan Kertas Pengawasan Perancangan Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan Jumlah : 4 Kertas Kerja	- 3 1 -
Mesyuarat JPNS Bil. 5/2013 17 Disember 2013	Kertas Dasar Kertas Rancangan Pemajuan Kertas Pengawasan Perancangan Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan Jumlah : 12 Kertas Kerja	- 3 4 5
JUMLAH KESELURUHAN KERTAS DIBENTANG DI DALAM MESYUARAT JPNS TAHUN 2013	Kertas Dasar Kertas Rancangan Pemajuan Kertas Pengawasan Perancangan Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan Jumlah Keseluruhan	3 15 14 14 46




Dasar-Dasar Yang Diluluskan Oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Dan Diterimapakai


Sebanyak 3 kertas dasar telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) untuk diterimapakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor pada tahun 2013 iaitu:

KERTAS DASAR / ARAHAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JPNS


BIL.	MESYUARAT JPNS	KERTAS DASAR
1	Mesyuarat JPNS Bil. 2/2013 22 Julai 2013	i. Kertas JPN.Sel.Bil.1/2/2013 Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat
2	Mesyuarat JPNS Bil. 3/2013 9 September 2013	i. Kertas JPN.Sel.Bil.1/3/2013 Garis Panduan Perancangan Taman Tema ii. Kertas JPN.Sel.Bil.2/3/2013 Garis Panduan Perancangan Taman Atas Bumbung



Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat



Garis Panduan Perancangan Taman Tema



Garis Panduan Perancangan Taman Atas Bumbung

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT JPNS) dalam memproses Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan bagi Projek-Projek Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR), Projek MRT Sungai Buloh-Kajang dan Projek Sistem Pembentukan (*sewerage treatment system*) di kawasan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan juga selaras dengan Pekeliling KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (02) 799/6 Klt.9(9) bertarikh 14 Oktober 2009.

Tahun 2013, Jabatan telah mengadakan 7 kali mesyuarat bagi merundingkan 14 projek kendalian JKR, 9 projek kendalian MRT dan 1 projek kendalian IWK yang telah dikemukakan seperti berikut :

BIL	MESYUARAT JKT JPNS	SENARAI PROJEK	PENGENDALI PROJEK	PEMAKLUMAN KE JPNS
1.	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 1/2013 15 Januari 2013	i. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kompleks Islam Daerah Gombak, Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang Fasa 1F, Mukim Selayang, Daerah Gombak.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 2/2013 pada 22 Julai 2013
		ii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Taman Ukay Perdana Daerah Gombak.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	
		iii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan 2 Blok Bangunan 4 Tingkat, Kantin Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Sekolah Agama Menengah Paya Jaras, Daerah Petaling.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	
		iv. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Stesen MRT Di Stesen KTMB Kajang Di Atas Sebahagian Jajaran Projek MRT Lembah Kelang Yang Telah Diluluskan Oleh Pelaksanaan MRT Di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	
		v. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Sebuah Bangunan Tempat Letak Kereta 6 Tingkat Di Atas Sebahagian Jajaran Projek MRT Lembah Kelang Yang Telah Diluluskan Oleh Pelaksanaan MRT Di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	
		vi. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Membina 1 Bangunan 3 Tingkat Stesen MRT STN 004: Kota Damansara dan 1 Bangunan Pencawang Elektrik Di Atas Sebahagian Lot 488 (3636), Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	

BIL	MESYUARAT JKT JPNS	SENARAI PROJEK	PENGENDALI PROJEK	PEMAKLUMAN KE JPNS
Sambungan...	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 1/2013 15 Januari 2013	vii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Membina: i. 1 Bangunan 3 Tingkat Stesen MRT STN 005: Taman Industri Sungai Buloh ii. 1 Bangunan Pintu Masuk A ; iii. 1 Bangunan Pintu Masuk B ; dan iv. 1 Bangunan M&E 'Plant Room' Di Atas Lot 489 (3636) Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 2/2013 pada 22 Julai 2013
		viii. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Membina 1 Bangunan 2 Tingkat Stesen MRT STN 001: Sungai Buloh dan 1 Bangunan 'Shared Concours', 1 Bangunan M&E 'Plant Room' Di Atas Sebahagian Lot 3 dan Jajaran Landasan Keretapi Sungai Buloh, Pekan Sungai Buloh, Daerah Petaling.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	
		ix. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Membina i. 1 Bangunan 3 Tingkat Stesen MRT STN 008: The Curve ii. 1 Bangunan Pintu Masuk 'A' iii. 1 Bangunan Pintu Masuk 'B' dan iv. 1 Bangunan Pintu Masuk 'C' Di Atas Lot 66914, Lot 71571, Sebahagian Lot 69686 dan Jajaran Persiaran Surian, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	
		x. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Membina i. 1 Bangunan 3 Tingkat Stesen MRT STN 009: One Utama ; dan ii. 1 Bangunan Pintu Masuk 'A' Di Atas Lot 17506, Sebahagian Lot 30139 Dan Sebahagian Lot PT 17975, Seksyen 39, Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	
2.	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 2/2013 19 April 2013	i. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Menaik Taraf Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua, Hulu Langat.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 2/2013 pada 22 Julai 2013
		ii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina dan Menyiapkan Kompleks Islam Daerah Kuala Selangor Di Atas Lot 1631, Daerah Kuala Selangor.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	
		iii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina dan Menyiapkan Kerja-Kerja Ubahsuai Rumah Kedai Kepada Klinik Kesihatan Jenis 3, Kota Damansara, Petaling Jaya.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	
		iv. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina dan Menyiapkan Sek. Ren. Agama Sri Damansara, di Atas Lot 62033, Bandar Sri Damansara, Daerah Petaling.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	

BIL	MESYUARAT JKT JPNS	SENARAI PROJEK	PENGENDALI PROJEK	PEMAKLUMAN KE JPNS
3.	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 3/2013 6 Jun 2013	i. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina dan Menyiapkan Bangunan Pejabat JKR Gombak, Daerah Gombak. ii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(g), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Noor Hidayah, Felda Sungai Tengi, Daerah Hulu Selangor,	Jabatan Kerja Raya (JKR) Jabatan Kerja Raya (JKR)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 2/2013 pada 22 Julai 2013
4.	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 4/2013 29 Julai 2013	i. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Pindaan Membina 1 Unit Bangunan Tempat Letak Kereta 9 Tingkat, 1 Unit Bangunan Tempat Pembayaran Tiket dan 1 Unit Bangunan Pencawang TNB di Atas Sebahagian Lot PT 3 (64505), Sebahagian Lot 3 Dan Lot 64506, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 5/2013 pada 17 Disember 2013
5.	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 5/2013 23 Ogos 2013	i. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pejabat Jabatan Kerja Raya Sepang, Daerah Sepang. ii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kompleks Pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Di Atas Lot No.1, Persiaran Selangor, Seksyen 16, Shah Alam.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Jabatan Kerja Raya (JKR)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 5/2013 pada 17 Disember 2013
6.	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 6/2013 27 September 2013	i. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Makmal Indah Water Selangor, Di Sebahagian Lot 82636 (KXG566), Bukit Tinggi, Daerah Klang, Bandar Pekan Pandamaran, Bandar Di Raja, Klang. ii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Pindaan (JPN.MRT/19/MPKJ/08/2012(7) Pembangunan Bercampur Yang Mengandungi : i. Blok A - 1 Tingkat Tempat Letak Kereta 'Park & Ride' Beserta Hentian Bas Dan Teksi ii. Blok B - 6 Tingkat Tempat Letak Kereta 'Park & Ride' Beserta Hentian Bas Dan Teksi Di Atas Sebahagian Lot Tanah Jajaran MRT (Lot Asal 16513-16554, Lot 19697-19699, 3426, 44629, & 400) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat. iii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Pindaan (JPN. MRT/14/MPKJ/06/2012(15) Pembangunan 5 Tingkat Tempat Letak Kereta 'Park and Ride' Untuk Stesen MRT Taman Korperasi Di Atas Sebahagian Lot Tanah Jajaran MRT (Lot Asal 426 & 45518 dan Sebahagian Lot 424, 427, 431, 45517 & 45519) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT) Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil. 5/2013 pada 17 Disember 2013

BIL	MESYUARAT JKT JPNS	SENARAI PROJEK	PENGENDALI PROJEK	PEMAKLUMAN KE JPNS
7.	Mesyuarat JKT JPNS Bil. 7/2013 15 November 2013	i. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Saidina Ali, Bukit Sentosa 2, Batang Kali, Daerah Hulu Selangor. ii. Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Dan 19(2)(G), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Pembangunan Kampus Baru Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Yang Mengandungi; Satu Blok Akademik 11 Tingkat, Sebuah Bangunan Pencawang Elektrik, Sebuah Pondok Pengawal, Sebuah Kebuk Sampah Dan Sebuah STP Di Lot PT8, Jalan Tandang, Petaling Jaya, Daerah Petaling.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Jabatan Kerja Raya (JKR)	Pemakluman di dalam Mesyuarat JPNS Bil 5/2013 pada 17 Disember 2013
JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN YANG DIRUNDINGKAN DI DALAM MESYUARAT JKT JPNS TAHUN 2013			Projek kendalian JKR Projek kendalian MRT Projek kendalian IWK Jumlah Keseluruhan	14 9 1 24

Pengarah JPBD Negeri Selangor sebagai Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.



Buku Tatacara Pemprosesan Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A



MS ISO 9001 : 2008

Pada 2 dan 3 September 2013, JPBD Negeri Selangor telah diaudit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti oleh SIRIM Berhad. Berdasarkan audit tersebut tiada sebarang Laporan Ketakakuran (NCR) yang direkodkan. Sehubungan itu, JPBD Negeri Selangor telah berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001 : 2008 sehingga 25 September 2015. Bagi menggapai kejayaan ini, Jabatan telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Khas MS ISO 9001:2008 – Pegawai MS ISO Bahagian dan Pegawai Prosedur Rekod Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Bil. 1/2013	4 Januari 2013
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Petugas MS ISO 9001 : 2008 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Bil. 1/2013	7 Mac 2013
3.	Pindaan Prosedur dan Kelulusan • PU/02 – Kawalan Rekod • PU/04 – Tindakan Pembetulan • PU/05 – Tindakan Pencegahan • PK/RP/05 – Maklumat Perancangan GIS	Februari –April 2013
4.	Taklimat Berkaitan Prosedur-Prosedur Yang Dipinda	3 April dan 3 Julai 2013
5.	Audit Dalaman	8 – 10 Julai 2013
6.	Audit Susulan	25 Julai 2013
7.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan	19 Ogos 2013
8.	Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti oleh SIRIM	2 dan 3 September 2013



JPBD Negeri Selangor telah diaudit oleh Ketua Pasukan Audit SIRIM En. Heeza Izwan bin Mohd Hasnan pada 2 dan 3 September 2013

Audit Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang

Pihak SUK Negeri Selangor telah menjalankan Audit Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) ke atas JPBD Negeri Selangor pada 7 Oktober 2013. Jabatan telah menyertai audit ini sejak dari tahun 2005. Pada tahun 2013, JPBD Negeri Selangor telah memperolehi markah peratusan sebanyak 84.19%.



Pembangunan Mampan

PROGRAM PEMULIHARAAN ALAM SEMULAJADI JPBD NEGERI SELANGOR BERSAMA MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

Program Pemuliharaan Alam Semulajadi merupakan salah satu inisiatif JPBD Negeri Selangor bagi menjayakan pelaksanaan Agenda 21 Selangor ke arah mewujudkan persekitaran yang mampan. Program pada 6 Julai 2013 bertempat di Kawasan Konservasi Kelip-Kelip Sungai Pakeh, Sungai Panjang Sabak Bernam ini diadakan bersama Majlis Daerah Sabak Bernam dan telah dirasmikan oleh Y.B Tuan Sallehen bin Mukhyi (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa). Tujuan utama program adalah untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan melindungi dan memelihara habitat kelip-kelip yang merupakan aset kepada pelancongan Negeri dan menjadi tarikan kepada orang ramai.

Di samping itu, ia juga bertujuan meningkatkan tahap kehijauan alam semulajadi yang menyumbang kepada persekitaran yang sihat, selamat dan indah sejajar dengan Program Penghijauan Negara dan Kempen Tanam Pokok Negeri Selangor.



PROGRAM KEBUN KEJIRANAN DI BAIDURI COURTS JPBD NEGERI SELANGOR BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Program Kebun Kejiranan Di Baiduri Courts, Bandar Bukit Puchong 2 yang diadakan pada 7 Disember 2013 merupakan inisiatif JPBD Negeri Selangor bersama Majlis Perbandaran Sepang yang diambil berdasarkan kepada Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau iaitu Pembangunan Kebun Kejiranan yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Program ini juga merupakan Program Local Agenda 21 (LA 21) yang melibatkan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), masyarakat dan sektor swasta untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

Program Kebun Kejiranan ini melibatkan penduduk di Baiduri Courts, Bandar Bukit Puchong 2, Kakitangan JPBD Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Sepang, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Sepang dan juga pemaju/NGO. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang.



Hari Bertemu Pelanggan

Sepanjang tahun 2013, JPBD Negeri Selangor telah menyertai 2 kali Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu Peringkat Negeri Selangor.

HARI BERTEMU PELANGGAN BERSEPADU DAN JEJAK INOVASI ANJURAN SUK SELANGOR

Tarikh : 12 sehingga 14 April 2013

Tempat : AEON Bukit Tinggi, Klang



Hari Bertemu Pelanggan Dan Jejak Inovasi Anjuran SUK Selangor di AEON Bukit Tinggi, Klang telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Hj. Mohamed Khusrin bin Hj. Munawi

HARI KARNIVAL INOVASI, PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN (HBP) DAN KAUNTER ADUAN BERGERAK BERSEPADU BERSAMA BIRO PENGADUAN AWAM PERINGKAT PENTADBIRAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Tarikh : 19 dan 20 Oktober 2013

Tempat : Kompleks PKNS, Shah Alam



RANCANGAN PEMBANGUNAN

Rancangan Struktur Negeri Selangor

Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 dilaksanakan dengan kerjasama perunding yang telah dilantik. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi memantapkan serta memantau perjalanan penyediaan Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2035 seperti:

- 10 Apr 2013 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Laporan Teknikal dan Laporan Tinjauan
- 3 Sep 2013 - Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU Laporan Teknikal dan Laporan Tinjauan
- 18 Okt 2013 - Mesyuarat Penyelarasan Teknikal Draf Laporan RSN
- 29 Nov-1 Dis 2013 - Mesyuarat Pasukan Petugas Draf RSN
- 10 Dis 2013 - Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU bagi Draf RSN



Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU RSN Selangor 2035 telah diadakan pada 10 Disember 2013 dan dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Hj. Mohammad Khusrin b. Hj. Munawi, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Rancangan Tempatan

RANCANGAN TEMPATAN PENGGANTIAN

Pada tahun 2013, terdapat 2 Rancangan Tempatan yang sedang di dalam proses penggantian iaitu Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam 2002-2015 dan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2015.

PENYELARASAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Pada tahun 2013, Jabatan telah menguruskan pewartaan fakta persetujuan Pihak Berkuasa Negeri bagi 6 Rancangan Tempatan seperti berikut:

BIL	NAMA KAJIAN	TARIKH PERSETUJUAN JPNS	TARIKH PERSETUJUAN MMKN	NO WARTA DALAM Sel.G.N	TARIKH WARTA
1	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 1) 2020	9.10.2012	17.10.2012	No. 389	31.1.2013
2	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (Pengubahan 1) 2020	13.8.2012	17.10.2012	No. 390	31.1.2013
3	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 1) 2020	4.12.2012	20.2.2013	No. 1823	9.5.2013
4	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (Pengubahan 1) 2020	13.8.2012	20.2.2013	No. 1912	23.5.2013
5	Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (Pengubahan 1) 2015	5.6.2012	23.1.2013	No. 1913	23.5.2013
6	Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 1) 2020	4.12.2012	20.2.2013	No. 1914	23.5.2013

PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

Program publisiti dan penyertaan awam bagi Rancangan Pemajuan telah dilaksanakan terhadap 5 Draf Rancangan Tempatan dan 1 Draf Rancangan Kawasan Khas yang melibatkan sebanyak 354 bantahan. Program ini merupakan program penyelarasan dan kerjasama di antara JPBD Negeri Selangor, JPBD Semenanjung Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan.

BIL	RANCANGAN PEMAJUAN	TARIKH PUBLISITI	JUMLAH BANTAHAN	MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN & PENDENGARAN
1.	Draf Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sg. Choh	21 Disember 2012 – 21 Februari 2013	79	7 Oktober 2013
2.	Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 2) 2020	31 Disember 2012 – 31 Januari 2013	97	4 April 2013
3.	Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang (Pengubahan 2) 2020	18 Februari 2013 – 18 Mac 2013	-	21 Jun 2013
4.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor (Pengubahan 1) 2020	15 April 2013 – 15 Mei 2013	27	7 Oktober 2013
5.	Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025	1 November 2013 – 2 Disember 2013	113	-
6.	Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2025	1 November 2013 – 2 Januari 2014	38	-

MAJLIS PERASMIAN PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM SECARA SERENTAK BAGI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM 2025 & DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2025

Program Publisiti Dan Penyertaan Awam telah dijalankan pada 1 November 2013 sehingga 2 Disember 2013. Penduduk, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pihak-pihak berkepentingan telah hadir untuk mengemukakan bantahan, pandangan dan ulasan lanjut mengenai cadangan projek dan perancangan gunatanah sehingga 2025.

Perasmian Program Publisiti Dan Penyertaan Awam telah diadakan di Dewan Sri Bernam pada 8 November 2013 yang disempurnakan oleh Y.B. Tuan Ir. Iskandar bin Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar. Program tersebut turut dihadiri oleh Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa, Pengarah JPBD Negeri Selangor, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor dan Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam.



PERASMIAN APPS DRAF RANCANGAN TEMPATAN SABAK BERNAM & KUALA SELANGOR 2025

Seiring dengan perkembangan teknologi dan mengurangkan prosedur penghantaran bantahan, JPBD Negeri Selangor telah melancarkan applikasi telefon pintar untuk membolehkan orang awam dan pihak berkepentingan memuat turun, memapar, 'bookmarks' laporan draf rancangan tempatan dan yang lebih penting menghantar terus bantahan dan pandangan dengan lebih cepat dan di mana-mana sahaja tanpa sebarang prosedur yang rumit. Mengikut rekod sebanyak 500 pengguna telah melihat applikasi ini dalam tempoh 2 hari dilancarkan.

Projek Berprofil Tinggi

TASK FORCE KHUSUS

JPBD Negeri Selangor telah mendapat kepercayaan daripada Kerajaan Negeri dalam membantu Kerajaan bagi menyelesaikan beberapa isu perancangan melalui *task force* dan rundingan. Antaranya adalah isu pembangunan Batu Caves dan kawasan sekitarnya. Jabatan telah diberi tanggungjawab sebagai urusetia kepada *task force* ini.

PROJEK PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN SUNGAI KLANG

Lawatan tapak bagi penyediaan Laporan *Discharge* Fasa 2 Sungai Klang telah diadakan pada 25 sehingga 27 Mac 2013 bertujuan untuk menyediakan dan mengenalpasti *point discharge* bagi lembangan Sungai Klang Fasa 2 yang meliputi kawasan di sekitar Daerah Klang. Lawatan tapak ini dijalankan secara kerjasama dengan pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Majlis Perbandaran Klang.



Kajian-Kajian Perancangan

Selain dari kajian-kajian semasa, JPBD Negeri Selangor juga dipertanggungjawabkan untuk menjalankan dan menyelaras kajian-kajian perancangan mengikut isu perancangan semasa.

KAJIAN PERMATANG KUARZA GENTING KLANG

Di dalam usaha untuk mengangkat Permatang Kuarza Genting Klang sebagai tapak warisan dunia, satu Program Mini XPDC Permatang Kuarza Genting Klang telah diadakan selama 3 hari iaitu pada 18 sehingga 20 Disember 2013. Program Mini XPDC ini adalah usaha sama JPBD Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang. Seramai 36 peserta dari pelbagai agensi telah menyertai Mini XPDC ini.

Mini XPDC ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal dan meninjau denai bagi persiapan XPDC sebenar yang akan diadakan pada 20 sehingga 25 Januari 2014.







Keunikan dan keindahan alam semulajadi di Permatang Kuorza Genting Klong

KAJIAN PERKUBURAN WILAYAH BERSEPADU

Kajian ini bertujuan untuk membuat perancangan bagi keperluan menampung tanah perkuburan di Negeri Selangor sehingga tahun 2060. Kajian ini melibatkan mengenalpastian tapak-tapak perkuburan wilayah bersepadu dan perancangan tapak di Negeri Selangor. Justeru itu, beberapa langkah telah diambil iaitu:

- i. **Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 Di Negeri Selangor (Jilid 1 dan Jilid 2)**
